



KERATAN AKHBAR



AKHBAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	12/1/2017	MUKA SURAT	:	27
JABATAN	:	UMUM			
KLASIFIKASI	:	MAKLUMAN			

Ikan lumba-lumba Irrawaddy muncul di perairan Pulau Sembilan

BAGAN DATUK 11 Jan. - Kemunculan ikan lumba-lumba Irrawaddy di perairan Pulau Sembilan dekat sini menarik perhatian kakitangan Taman Negeri Pulau Sembilan ketika mereka dalam perjalanan menaiki bot untuk meninjau pulau itu baru-baru ini.

Pengurus Taman Negeri Pulau Sembilan, Iylia Ainuddin berkata, kemunculan ikan lumba-lumba Irrawaddy sesuatu yang tidak dijangka kerana spesies ikan itu biasanya terdapat di perairan Indonesia, India dan Filipina.

Menurutnya, kehadiran spesies ikan itu boleh menjadi tarikan baharu ke Pulau Sembilan ketika kerajaan negeri menyasarkan peningkatan kedatangan pelancong ke negeri ini sempena Tahun Melawat Perak 2017.

"Ini merupakan fenomena luar biasa kerana spesies ikan lumba-lumba ini tidak terdapat di negara ini," katanya.

Perairan Pulau Sembilan terdiri daripada gugusan sembilan pulau iaitu Pulau Agas, Pulau Lalang, Pulau Saga, Pulau Nipis, Pulau Rumbia, Pulau Payong, Pulau Buluh, Pulau Batu Putih dan Pulau Batu Hitam.

Iylia berkata, kedatangan pelancong ke Pulau Sembilan di-



SEKUMPULAN ikan lumba-lumba Irrawaddy muncul di perairan Pulau Sembilan, Bagan Datuk, Perak, baru-baru ini.

jangka meningkat sempena Tahun Melawat Perak 2017.

Katanya, sebagai persediaan, kemudahan asas seperti surau, tandas, bilik penginapan dan menara tinjau sedang dibina untuk kemudahan pelancong.

Jelasnya, setakat ini jumlah kedatangan pelancong ke pulau

itu dihadkan antara 120 hingga 150 orang seminggu bertujuan mengelak berlaku pencemaran alam sekitar.

"Selain itu, perkhidmatan bot yang disediakan juga agak terhad untuk menampung jumlah kedatangan pelancong yang besar," katanya.